

PENTADBIRAN DAN DASAR HUBUNGAN KAUM SELEPAS MERDEKA

ABDUL HALIM RAMLI
UiTM Kuala Pilah

Pendahuluan

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perpaduan dan hubungan antara kaum masih menjadi masalah yang belum dapat diselesaikan secara tuntas. Isu-isu yang berkaitan dengan kedudukan istimewa orang Melayu, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal negara dan hak kerakyatan kaum bukan Melayu masih menjadi isu yang diperdebatkan walaupun pada hakikatnya isu-isu telah dapat diselesaikan melalui rundingan dan tawar-menawar semasa proses pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dilakukan. Penyelesaian terhadap isu-isu tersebut dan pemaktuban ke dalam Perlembagaan Persekutuan sememangnya berjaya menyelesaikan tuntutan dan ketegangan hubungan kaum sebelum merdeka, namun kembali tegang terutama dalam jangka masa dari tahun 1957 hingga 1969. Walhal persetujuan yang dicapai oleh para pemimpin kaum dalam Parti Perikatan terutamanya dalam empat perkara penting iaitu kedudukan hak istimewa orang Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal negara, Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan hak kerakyatan kaum bukan Melayu dianggap sebagai asas penting pembentukan bangsa Malaysia.

Selepas merdeka, pentadbiran dan dasar kerajaan terhadap pembentukan perpaduan kaum boleh dibahagikan kepada dua tahap. Tahap pertama ialah dari tahun 1957 hingga 1969 dan tahap kedua ialah pasca 13 Mei 1969. Tahap pertama menyaksikan pentadbiran dan dasar kerajaan terhadap pengukuhan hubungan kaum diterjemahkan melalui pengubalan dan perubahan dasar pendidikan yang mengarahkan kepada pemupukan perpaduan kaum melalui pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sistem pendidikan kebangsaan. Di samping itu, pelaksanaan kehendak Perkara 153 mengenai kedudukan istimewa orang Melayu telah dimulakan oleh kerajaan sebagai wahana menyusun ketidakseimbangan pencapaian ekonomi yang wujud di antara orang Melayu dengan kaum bukan Melayu sebelum merdeka. Ketidakseimbangan tersebut menjadi faktor utama berlakunya ketegangan hubungan kaum disebabkan perasaan tidak puas hati orang Melayu terhadap kemunduran mereka dan fakta kekayaan ekonomi negara yang dikuasai oleh bangsa asing. Tahap kedua ialah pasca 13 Mei 1969, menyaksikan pengubalan dan pelaksanaan pentadbiran dan dasar kerajaan yang lebih serius memupuk perpaduan

kaum. Pengukuhan hubungan kaum pasca Peristiwa 13 Mei adalah untuk membetulkan ketempangan dan kelemahan pelaksanaan dasar perpaduan kaum terdahulu yang tidak berupaya mengecilkan jurang hubungan kaum yang semakin meluas selepas merdeka. Pelaksanaan dasar dan pentadbiran yang mengarah kepada pemupukan perpaduan kaum bukan sahaja memperkukuhkan lagi dasar yang telah sedia ada tetapi pembentukan beberapa dasar dan pendekatan baru bagi memperkukuh hubungan kaum.

Pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan Bermalimat Perpaduan Kaum

Sememangnya peranan sistem pendidikan sebagai alat perpaduan kaum telah disedari oleh kerajaan sebagai cara yang paling berkesan mencapai tujuan tersebut. Dengan sebab itu, beberapa dasar telah dirangka bagi mencapai matlamat tersebut. Matlamat pendidikan sebagai alat pemupukan perpaduan kaum dapat dicapai melalui penggunaan instrumen Bahasa Melayu dalam proses pendidikan sebagai asas pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Ini kerana penggunaan bahasa ibunda masing-masing dalam pendidikan tidak mampu untuk melahirkan bangsa yang bersatu padu. Di samping itu, dasar pendidikan turut menggalakkan pertumbuhan nilai sosial dan taat setia setiap kaum terhadap negara ini.

Penggubalan dasar pendidikan yang bermatlamat di atas bermula setelah kejayaan cemerlang Perikatan memenangi pilihan raya Persekutuan 1955 dan membentuk kerajaan tempatan yang pertama di Persekutuan Tanah Melayu. Sebagai memenuhi janjinya dalam pilihan raya 1955, iaitu untuk mengkaji semula Ordinan Pelajaran 1952¹ membawa pembentukan sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak (Menteri Pendidikan Malaya ketika itu). Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada bulan September 1955. Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk merangka suatu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dapat diterima oleh rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Dasar ini membolehkan rakyat menegakkan suatu bangsa yang bergerak maju di dalam lapangan kebudayaan, ekonomi dan politik.² Walaupun matlamat utama Jawatankuasa Pelajaran

¹ Hujah ini berasaskan kepada mesyuarat Jawatankuasa Pusat Pendidikan Cina yang diadakan pada 15 Oktober 1955. Dalam mesyuarat tersebut, Tan Cheng Lock berpendapat bahawa tuntutan orang Cina yang terlalu banyak adalah tidak realistik dan sukar diterima oleh kerajaan Perikatan yang baru sahaja ditubuhkan. Beliau seterusnya menegaskan bahawa sebagai salah sebuah parti politik komponen dalam Perikatan, MCA terpaksa berhati-hati dalam membuat tuntutan kerana selain dari tuntutan orang Cina, MCA juga terpaksa peka terhadap aspirasi golongan etnik lain serta masa depan Negara (Lihat, Tan Yao Sua, *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*, hlm. 101.

² Lihat *Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 1.

1956 bertujuan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, namun ia memberi jaminan tidak akan menjejaskan atau menyekat bahasa dan budaya kaum lain dari diamal atau dikembangkan.³ Cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini dikenali sebagai Laporan Razak 1956 dan diluluskan menjadi Ordinan Pelajaran 1957. Laporan Razak mengemukakan dua cadangan utama yang menjadi teras pembentukan suatu sistem pendidikan kebangsaan yang berhasrat memupuk integrasi dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Pertama, ia mencadangkan sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang utama. Perkara ini ditegaskan oleh Laporan Razak:

Kami perchaya juga tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walau pun perkara ini tiada dapat di laksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur.⁴

Kedua, dalam konteks membina nilai dan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat, penggunaan kurikulum atau sukatan pelajaran yang seragam, bercorak tempatan dan sistem peperiksaan yang sama.⁵

Laporan Razak menyebutkan bahawa sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar disebut sebagai sekolah Umum, manakala sekolah-sekolah Jenis Umum adalah sekolah yang menjadikan bahasa pengantarnya adalah bahasa *Kuo Yu* (Mandarin) atau Tamil atau Inggeris.⁶ Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris akan menjadi subjek wajib untuk semua peringkat sekolah sama ada rendah atau menengah. Sekolah Rendah Umum juga menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib dan kemudahan bagi pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil disediakan jika tidak kurang 15 orang ibu bapa kanak-kanak di sekolah memintanya. Sementara itu, Sekolah Rendah Jenis

³ Ibid., hlm. 3

⁴ Ibid.

⁵ Lihat, Perenggan 115, *Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956*, hlm. 21.

⁶ Lihat, Perenggan 54-58, *Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956*.

Umum, bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris adalah mata pelajaran wajib, manakala kemudahan untuk pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil diberikan di Sekolah Rendah Jenis Umum (Inggeris) jika terdapat permintaan tidak kurang dari 15 orang ibu bapa kanak-kanak di sekolah tersebut.⁷

Laporan Razak juga telah menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memajukan bahasa Melayu. Antara cadangan Laporan Razak:

- i) Mewujudkan Sekolah atau Institut Bahasa bagi menyediakan latihan kepada guru guru bagi mengajar bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain.
- ii) Kelayakan pelajar untuk memasuki sekolah menengah yang dibiayai sepenuh atau sebahagiannya oleh kerajaan, perlu mengetahui bahasa Melayu.
- iii) Bahasa Melayu dijadikan syarat untuk mendapat Sijil Rendah dan Sijil Pelajaran Kebangsaan.
- iv) Memberi kelebihan kepada mereka yang menguasai bahasa Melayu untuk mendapatkan jawatan dalam kerajaan, pemilihan pelajar ke sekolah menengah, syarat untuk mendapatkan biasiswa, bantuan kepada sekolah dan latihan guru.⁸

Laporan ini juga boleh dianggap sebagai satu percubaan parti Perikatan untuk mengkomodasikan tuntutan kaum dalam isu bahasa dan pendidikan demi memupuk perpaduan di kalangan penduduk majmuk di Persekutan Tanah Melayu. Penyelesaian masalah tuntutan bahasa dan pendidikan ini agak terdesak menjelang kemerdekaan memadamkan Perikatan tidak mahu pertikaian akan menjejaskan kestabilan sosiopolitik dan membantutkan proses peralihan kuasa daripada penjajah Inggeris kepada Perikatan yang sedang giat dirundingkan pada masa tersebut. Bertitik tolak daripada pertimbangan politik ini, Laporan Razak telah digubal atas semangat kompromi kaum berlandaskan amalan politik pemuafakatan di kalangan elit politik dalam Perikatan.⁹

Implimentasi dari Ordinan 1957 telah membawa kepada penubuhan sekolah menengah yang berbahasa Melayu sebagai sebahagian dari keazaman kerajaan untuk

⁷ Perenggan 18, 62 dan 71, *Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956*; Lihat juga, *Education Ordinance, 1957*, Council Paper No.2 of 1957, Perenggan 2.

⁸ Perenggan 19-24, *Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956*.

⁹ Tan You Sua, *Politik Dongjoazong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2005, hlm. 70.

mbolehkan orang Melayu mempelajari kemahiran moden dalam bahasa mereka sendiri. Seiring dengan usaha untuk memperkasa Bahasa Melayu, kerajaan telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1956 yang bertujuan untuk menggalakkan perkembangan Bahasa Melayu dengan mencipta istilah baru dalam bidang tertentu seperti perniagaan, pelajaran tinggi, teknologi dan sains supaya Bahasa Melayu mampu untuk mengendalikan urusan sebagai bahasa nasional dalam masyarakat moden.¹⁰

Walaupun Laporan Razak bermatlamat membentuk perpaduan kaum, namun wujud kelemahan dalam Laporan Razak dalam konteks pembinaan negara ialah pengkelan sekolah pelbagai aliran yang bebas menggunakan bahasa pengantar masing-masing dan hal ini tidak selaras dengan cita-cita kerajaan menjadikan bahasa kebangsaan untuk maksud perpaduan rakyat. Laporan Razak juga tidak terlepas daripada kritikan dari semua pihak. Misalnya, Yan Yuan Zhang, penasihat *United Chinese School Teachers' Association* (UCSTA) mendakwa Laporan Razak merupakan satu bentuk ancaman budaya. Persatuan ini bersama Persatuan Guru-Guru Tamil Selangor pada 9 September 1956 telah mengeluarkan deklarasinya bersama yang menolak bahasa Melayu dijadikan ajen penyatuan di negara ini dengan hanya menganggap bahasa Melayu sebagai satu alat komunikasi bersama.¹¹ Sementara itu, Lim Lian Geok, pengerusi UCSTA menganggap matlamat akhir Laporan tersebut boleh membawa penghapusan sekolah Cina yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.¹² Dalam kalangan orang Melayu terdapat juga perasaan tidak puas hati mereka terhadap ketegasan kerajaan Perikatan dalam melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang tunggal di semua sekolah. Misalnya, dalam perbincangan Laporan Razak dan Dasar Pendidikan Kebangsaan, terdapat dari kalangan ahli Dewan Undangan Persekutuan ketika itu menuduh Laporan Razak masih mengekalkan sistem persekolahan pelbagai bahasa pengantar. Mereka mendesak kerajaan supaya menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal di semua sekolah.¹³

¹⁰ Andaya, B.W. dan Andaya, L.Y., *Sejarah Malaysia*, Terjemahan, Petaling Jaya: MacMillan Sdn. Bhd., 1983, hlm. 325. Hasil perjuangan pencinta bahasa dan badan-badan yang bergabung di bawah Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu telah membawa kepada penubuhan Balai Pustaka pada bulan Jun 1956. Balai Pustaka ditempatkan di bangunan Pejabat Kerajaan di Johor Baharu. Nama Balai Pustaka kemudiannya telah ditukar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai memenuhi rumusan yang dibuat oleh Kongres Ketiga pada bulan September, 1956. Pengarah pertama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ialah Ungku Aziz. Walau bagaimanapun, Ungku Aziz telah meletakkan jawatan sebagai pengarah DBP pada bulan Mei 1957 kerana tidak puas hati dengan layanan yang diberikan oleh kerajaan mengenai perancangannya terhadap DBP.

¹¹ Tan Yao Sua, *Politik Dongjiaozong*, hlm. 79.

¹² Sia Keng Yek, *SRJK (Cina) Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan*, hlm. 19.

¹³ *Ibid.*, hlm. 18.

Kritikan yang berterusan pelbagai pihak terhadap Penyata Razak membawa parti Perikatan melalui manifestonya dalam Pilihan Raya 1959 berjanji untuk mengkaji semula Penyata Razak, di samping mengukuhkan lagi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Perkara ini telah diisytiharkan oleh Ong Yoke Lin, dalam satu persidangan Jawatankuasa Kerja MCA pada 20 Julai 1959, bahawa parti Perikatan akan mengkaji semula dasar pelajaran yang ada, tanpa menjejaskan matlamat untuk memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan serta memelihara pertumbuhan bahasa dan kebudayaan bangsa lain. Di samping itu, Kementerian Pelajaran diberi arahan untuk mengadakan kemudahan yang mencukupi untuk pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah Cina dan Tamil serta membenarkan sekolah-sekolah ini mengadakan peperiksaan dalam bahasa pengantar masing-masing.¹⁴

Apabila Laporan Rahman Talib dikeluarkan pada tahun 1960, cadangan ini telah membangkitkan kembali penentangan kaum bukan Melayu terutama dari pertubuhan *Dongjiaozong*. Sepertimana *Dongjiaozong* menolak Laporan Razak, mereka turut menolak Laporan Rahman Talib yang dianggap bertujuan menghancurkan bahasa dan kebudayaan Cina kerana matlamat akhirnya adalah untuk menjadikan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama dalam semua sekolah. Pengerusinya, Lim Lian Geok telah menuduh Laporan tersebut berhasrat “untuk melenyapkan kebudayaan orang Cina dengan pisau bahasa Kebangsaan”.¹⁵ Dengan mengekalkan matlamat yang sama seperti yang terkandung dalam Laporan Razak (Perenggan 12 yang menggunakan mekanisme pendidikan sebagai wahana penting memupuk perpaduan kaum, Laporan Rahman Talib turut bertitik tolak dari asas ini.¹⁶ Perenggan 20, Laporan Rahman Talib menganggap bahawa satu sistem pendidikan yang adil dan saksama perlu memikirkan keperluan semua pihak demi kepentingan pelajar-pelajar yang merupakan warganegara yang akan datang. Justeru itu, Laporan Rahman Talib telah memfokuskan untuk mewajibkan mata pelajaran

¹⁴ *Berita Harian*, 21 Julai 1959.

¹⁵ Sia Ken Yek, *SRJK (Cina) Dalam sistem Pendidikan Kebangsaan*, hlm. 23.

¹⁶ Perenggan 12, Penyata Rahman Talib menyebutkan tujuan utama Penyata 1956 ialah “menubuhkan suatu sistem pelajaran kebangsaan yang munasabah yang dapat diterima oleh orang-orang di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini amnya dan yang dapat memenuhi kemahuan mereka serta menggalakkan kemajuan mereka sebagai suatu bangsa di dalam lapangan kebudayaan, masyarakat, ekonomi dan politik...” (Lihat *Penyata Jawatan Kuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960*, hlm. 3).

bahasa Melayu dalam kurikulum semua sekolah rendah termasuk sekolah vernakular dan sekolah persendirian. Dalam Perenggan 71(a), Laporan Rahman Talib menyarankan:

Bahawa bahasa Kebangsaan itu hendaklah diajar mulai dari Darjah 1 dalam semua sekolah rendah Cina, Tamil dan Inggeris (sama ada sekolah bantuan, bantuan separuh atau sekolah-sekolah yang bersendirian).¹⁷

Pada peringkat sekolah menengah vernakular pula, Perenggan 67 Laporan Rahman Talib mencadangkan supaya sekolah-sekolah vernakular hendaklah dijadikan sama ada menjadi sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan yang akan dapat bantuan penuh kerajaan. Sekolah-sekolah yang mendapat bantuan penuh kerajaan, bahasa pengantarnya yang utama ialah salah satu dari dua bahasa rasmi negara, di samping membenarkan pengajian bahasa-bahasa lain diadakan dalam sekolah-sekolah tersebut.¹⁸ Menurut Tan Yao Sua, Perenggan 67 Laporan Rahman Talib ini telah ditentang oleh pendidik-pendidik Cina kerana didakwa cuba memansuhkan bahasa dan budaya Cina di negara ini. Pemimpin *Dongjiaozong*, Lim Lian Geok dalam satu kenyataannya yang dibuat di Dewan Perniagaan Cina Selangor pada 20 Ogos 1960 mendakwa tujuan utama Laporan Rahman Talib ialah untuk menghapuskan sekolah-sekolah menengah vernakular Cina dan implikasi laporan ini terhadap perkembangan pendidikan vernakular Cina adalah lebih teruk daripada Ordinan Pelajaran 1952.¹⁹ Walhal tuduhan ini tidak berasas kerana sekolah vernakular Cina yang enggan mengakui dasar pendidikan kebangsaan boleh wujud sebagai sebuah sekolah persendirian yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar sekolah. Bagi sekolah-sekolah menengah Cina yang memilih untuk bertukar ke aliran kebangsaan pula, bahasa Cina boleh dipelajari sebagai salah satu mata pelajaran bahasa.²⁰

Semasa pembentangan draf Laporan Rahman Talib di Dewan Rakyat pada 16 Ogos 1960, parti Parti Progresif Rakyat (PPP) telah mengkritik dengan keras Laporan Rahman Talib. PPP berpendapat bahawa Laporan Rahman Talib telah menghina sekolah menengah vernakular Cina, menyimpang daripada jaminan Perlembagaan terhadap penggunaan bahasa kaum lain, menjejaskan semangat kompromi yang didukung oleh Laporan Razak serta menjatuhkan hukuman mati terhadap pendidikan vernakular Cina.²¹ Manakala di

¹⁷ Ibid., 18.

¹⁸ Ibid., hlm. 17-18.

¹⁹ Tan Yao Sua, *Politik Dongjiaozong*, hlm. 119.

²⁰ Ibid., hlm. 110-111.

dalam perbahasan di Dewan Negara mengenai draf Laporan Rahman, Leong Yew Koh, salah seorang dari wakil MCA yang terlibat dalam penggubalan Laporan Rahman mengambil peluang dari perbahasan tersebut untuk melabelkan pengkritik-pengkritik Laporan Rahman sebagai berpandangan sempit kerana mendakwa pembelajaran bahasa-bahasa lain akan menjejaskan budaya Cina. Menurut Leong, Laporan Rahman Talib tidak bertujuan untuk menghapuskan kebudayaan Cina. Dengan menggunakan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan, ia akan membuka pintu kepada semua pelajar di sekolah untuk mencapai satu tahap pendidikan yang lebih tinggi,²² Koh Kim Leng dalam perbahasan itu turut mengkritik golongan yang membuat tuduhan bahawa Laporan Rahman akan menghapuskan kebudayaan Cina. Menurut Koh,

I don't know how they arrived at that conclusion, when it is specifically recommended that there will be free primary education in all media of instruction. Can the Government be accused of destroying a culture when it promoting its own official languages?. Will any Government in the world do otherwise?. You do not destroy a culture by giving it freedom.²³

Peranan sistem pendidikan sebagai wahana pemupukan perpaduan kaum dan integrasi kaum diperkukuhkan lagi melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974. Jawatankuasa ini dipengerusikan Menteri Pelajaran ketika itu, Dr.Mahathir Mohamad yang telah menjalankan kajian selama lima tahun. Laporan itu diterbitkan pada tahun 1979.²⁴ Jawatankuasa Kabinet ini mempunyai matlamat untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan yang antara lain memberi fokus kepada peranan kurikulum, kegiatan ko-kurikulum dan peperiksaan awam yang seragam terhadap pembentukan perpaduan antara kaum.²⁵ Hal ini telah dijelaskan dalam para 3.2 Laporan Jawatankuasa Kabinet yang menyebutkan hubungan kurikulum dengan perpaduan negara sebagai sesuatu yang sangat rapat. Kurikulum bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan tetapi ia juga boleh membentuk keperibadian dan pewatakan murid yang baik yang boleh

²¹ Ibid., hlm. 114.

²² Federation of Malay, *Parliamentary Debates, Dewan Negara (Senate) Official Report, Second Session of the First Parliament of the Federation Malaya*, Vol. 2, Session 1960-1961, Kuala Lumpur: Government Press, 1960, hlm.462-463.

²³ Ibid., hlm. 468.

²⁴ Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2004, hlm. 824.

²⁵ Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, mempunyai dua matlamat utama yang hendak dicapai. Pertama, pendidikan hendaklah digunakan untuk memenuhi tenaga manusia. Oleh itu, pendidikan di peringkat rendah perlu menekankan kepada pendidikan 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira. Kedua, membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. Menggunakan satu sukatan matapelajaran yang sama untuk semua jenis sekolah, menduduki satu peperiksaan yang sama dan pendidikan ko-kurikulum dan disiplin ditekankan sebagai asas ke arah perpaduan (Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, hlm. 824).

membawa kepada perpaduan. Murid sekolah dari semua kaum dan lapisan masyarakat akan mengikuti kurikulum yang seragam melalui sukatan pelajaran yang sama kandungannya, kegiatan bilik darjah yang sama dan juga mengambil peperiksaan awam yang sama.²⁶

Laporan Kabinet juga menyatakan matapelajaran Bahasa Malaysia bertujuan untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Dengan sebab itu, Bahasa Malaysia telah dijadikan sebagai matapelajaran wajib di semua peringkat dan jenis sekolah dan kelulusan dalam matapelajaran ini dijadikan syarat utama untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan awam seperti SRP/LCE, SPM/MCE dan SPVM/MCVM. Matapelajaran Sivik akan diajar mulai darjah 4 dan diteruskan hingga ke tingkatan 5. Objektif utama matapelajaran ini adalah untuk menyemai, menanam dan memupuk semangat cintakan negara, sifat bertimbang rasa dan toleransi, sifat berdikari, jayadiri dan semangat mahu dan sanggup memahami masalah masyarakat serta bersedia untuk bertindak atau melibatkan diri menyelesaikan masalah itu. Matapelajaran ini akan diasaskan kepada Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia. Matapelajaran agama adalah diwajibkan kepada semua murid yang beragama Islam yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang berdisiplin sebagai nilai akhlak yang tinggi. Unsur disiplin dan nilai akhlak ini merupakan asas yang kukuh bagi membentuk sebuah masyarakat yang bersatupadu, kerana pendidikan agama akan menanamkan nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan yang bersopan santun dan hormat menghormati di antara satu sama lain. Pendidikan sejarah pula adalah penting untuk membolehkan murid memahami latarbelakang sejarah negara dari beberapa aspek seperti politik, sosial dan ekonomi. Di dalam sebuah masyarakat berbilang kaum, kesedaran terhadap sejarah masyarakat berbilang kaum yang terdapat di Malaysia dapat membantu murid memahami peri mustahaknya perpaduan di negara ini. Manakala kegiatan ko-kurikulum yang meliputi pasukan pakaian seragam, kelab atau persatuan dan sukan, pelajar diwajibkan sekurang-kurangnya mengambil bahagian di dalam sebuah kelab atau persatuan dan juga digalakkan mengambil sekurang-kurangnya satu jenis sukan. Kegiatan ko-kurikulum yang dijalankan di luar bilik darjah adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan di antara murid yang berbagai keturunan yang mempunyai latarbelakang dan cara hidup yang berlainan.²⁷

²⁶ Atan Long, *Persekolahan untuk perpaduan atau perpecahan?*, dlm. *Kaum, Kelas dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial, 1984, hlm. 276-280.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 276-280.

Penggunaan Bahasa Melayu secara sepenuhnya sebagai bahasa pengantar sekolah Menengah Rendah peringkat Tingkatan Tiga telah dilaksanakan pada tahun 1978 dan peringkat Menengah Atas (Tingkatan Lima) dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1980. Pada tahun 1978, semua pelajar pertama kalinya mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, menggantikan LCE yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Manakala pada tahun 1980, semua pelajar Menengah Atas pula mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menggantikan MCE dan pada tahun 1982, diperkenalkan pula peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (STP).²⁸ Ini bermakna pada tahun 1982, Bahasa Melayu telah digunakan secara sepenuhnya sebagai bahasa pengantar di semua sekolah menengah di Semenanjung dan Sabah, manakala di Sarawak pada tahun 1990.²⁹

Penggunaan Bahasa Melayu secara sepenuhnya dalam sistem pendidikan negara telah menjadi alat utama yang dimanipulasikan untuk mencapai perpaduan kaum. Dengan dibantu oleh Dasar Bahasa Kebangsaan, taraf Bahasa Melayu telah meningkat daripada bahasa yang kurang nilai ekonominya iaitu sebagai bahasa pengantar di sekolah Melayu kepada bahasa pengantar utama di semua sekolah menengah kebangsaan di sekitar awal tahun 1960an, yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai medium pendidikan di negara ini telah melewati tiga tahap perkembangan yang utama. Tahap pertama merupakan peringkat memperkenalkan Bahasa Melayu dan bermula proses pemupukannya yang telah berlaku pada sekitar tahun-tahun 1950an dan 1960an. Keperluan utama pada ketika ini adalah untuk menyakinkan semua golongan Melayu dan bukan Melayu betapa pentingnya Dasar Bahasa dan keupayaan Bahasa Melayu mengambil alih bahasa Inggeris. Tahap kedua menumpukan usaha kepada pembinaan Bahasa Melayu yang meliputi aspek ejaan, tatabahasa, pengistilahan dan perkamusan dan ini berlaku pada sekitar tahun 1970an. Perkembangan bahasa ini bukan lagi bergantung pada kempen yang retorik tetapi banyak terserah kepada para guru, pendidik, wartawan, media massa, ahli bahasa dan pejuang bahasa serta pihak kerajaan. Tahap ketiga melibatkan proses pemantapan bahasa, iaitu untuk menjadikan Bahasa Melayu bukan sahaja betul dari segi penggunaannya, tetapi tepat, cekap dan berkesan, indah serta anjal. Peringkat ini dikaitkan

²⁸ Omar Mohd. Hashim, *Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 101-102.

²⁹ Kementerian Pelajaran Malaysia, *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*, hlm. 18.

dengan keupayaan bahasa itu menyampaikan idea atau konsep yang mujarad dengan tepat dan berkesan, iaitu dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Kemuncak pencapaian taraf bahasa ilmu ialah penggunaan laras saintifik, yang berusaha menghasilkan bentuk bahasa yang tepat, mencerminkan kejelasan pemikiran saintifik dan menekankan konsep-konsep serta pemikiran yang logik.³⁰

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan negara sudah berjaya dilaksanakan. Persoalan kini ialah sejauhmanakah penerimaan masyarakat pelbagai kaum terhadap bahasa tersebut sebagai wahana perpaduan?. Satu kajian telah dilakukan oleh sekumpulan penyelidik Fakulti Pendidikan UKM yang dibiayai oleh Bank Dunia pada tahun 1990 terhadap 10,686 orang responden di seluruh Malaysia dari pelbagai kaum mengenai peranan Bahasa Melayu dalam pembentukan perpaduan nasional. Hasil kajian menunjukkan hampir semua peringkat responden menerima Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan. Impak yang terjelma ialah Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menyumbang sebanyak 40 peratus kepada perpaduan yang dikaji. Keputusan tersebut memperlihatkan bahawa Bahasa Melayu mempunyai kekuatan untuk mengisi tanggungjawab sebagai bahasa kebangsaan. Keputusan ini juga menunjukkan kemampuan Bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan untuk membentuk perpaduan nasional di Malaysia.³¹

Agenda pendidikan sebagai wahana pemupukan perpaduan kaum dan membina bangsa Malaysia yang patriotik dan teguh jati dirinya telah diteruskan melalui pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dirangka bagi menekankan enam teras strategi dan satu pelan tindakan pendidikan yang menyeluruh dan sepadu, yang tidak tertumpu kepada pada satu jenis sekolah, lokasi dan kaum tertentu sahaja. Agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah untuk membangunkan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai aliran perdana kerana majoriti pelajar berada di SK. Walau bagaimanapun, KPM tidak meminggirkan Sekolah Jenis Kebangsaan

³⁰ Omar Mohd.Hashim, *Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*, hlm. 433-434.

³¹ Chew Fong Peng, *Masyarakat berbilang Kaum dalam Sastera Kebangsaan di Malaysia*, Bandung: UPI Press, 2007, hlm.6.

Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah tersebut.³²

Terdapat enam teras PIPP iaitu, 1) Membina Negara Bangsa, 2) Membangunkan Modal Insan, 3) Memperkasa Sekolah Kebangsaan, 4) Merapatkan jurang Pendidikan, 5) Memartabatkan Profesion Keguruan dan 6) Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan. Dalam melaksanakan Teras Pertama, iaitu Membina Negara Bangsa, KPM berhasrat untuk membangunkan warganegara dari awal persekolahan dengan ciri-ciri global, patriotik, cintakan negara berpegang teguh dengan ajaran agama dan nilai moral, hidup sebagai sebuah masyarakat yang penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran dan berbudaya saintifik, hidup bersatu padu. serta menyanjung dan menjunjung warisan budaya dan kesenian bangsa. Hasrat ini tercapai dengan memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai asas perpaduan dan bahasa ilmu, meningkatkan disiplin pelajar, menggiatkan Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) serta menggiatkan aktiviti kokurikulum dan sukan bagi membina jati diri serta menerapkan budi bahasa dan adab di kalangan pelajar.³³

Untuk memantapkan perpaduan dan integrasi nasional, PIPP telah menggariskan berberapa langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut. Antara langkah yang dirangka oleh KPM ialah; Pertama, melaksanakan sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan satu kurikulum kebangsaan untuk semua jenis sekolah dan satu sistem penilaian dan peperiksaan yang seragam. Kedua, menjadikan agenda memperkasa Sekolah Kebangsaan (SK) menjadi salah satu teras dasar pelaksanaan RMK-9 bagi merealisasikan matlamat menjadikan SK sebagai tempat memupuk perpaduan kaum dan pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang akademik dan bukan akademik. Ketiga, menerapkan nilai jati diri, budi bahasa seni budaya yang dilaksanakan secara sisipan dalam tajuk-tajuk mata pelajaran yang bersesuaian. Keempat, memperkenalkan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan pada tahun 2003 di peringkat rendah dan menengah bertujuan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat pelbagai kaum serta pentingnya semangat patriotisme, kesejahteraan dan keharmonian antara kaum. Kelima, memperkenalkan Konsep Sekolah Wawasan sebagai salah satu pendekatan alternatif untuk memupuk nilai perpaduan kaum dan integrasi

³² *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*, hlm.31.

³³ *Ibid.*, hlm. 31-40.

nasional dengan menempatkan dua atau tiga jenis sekolah rendah yang berlainan bahasa pengantar dan pentadbiran dalam kawasan yang sama dan berkongsi kemudahan asas, seperti padang permainan, dewan dan kantin. Sehingga hari ini terdapat enam buah Sekolah Wawasan yang aktif beroperasi iaitu dua di Perak dan satu di Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan.³⁴

Konsep Sekolah Wawasan dilaksanakan kerana, walaupun sistem pendidikan kebangsaan telah menggunakan kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang seragam tetapi kedudukan sekolah adalah terasing antara satu sama lain dari segi fizikalnya yang boleh menimbulkan bibit semangat perkauman menebal di kalangan murid dari kaum yang berbeza. Keterasingan Sekolah Jenis Kebangsaan dengan Sekolah Kebangsaan ini telah menyukarkan usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Justeru, KPM telah mengemukakan Konsep Sekolah Wawasan sebagai pemangkin dalam merealisasikan matlamat integrasi nasional.³⁵ Konsep Sekolah Wawasan yang bertunjangkan Laporan Razak 1956 sebagai alat perpaduan telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 1997. Penubuhan Sekolah Wawasan ini memungkinkan pelajar dari berbagai aliran belajar bersama-sama dalam satu bumbung atau kawasan yang sama. Mekanisme pengelompokan pelajar secara pemusatan dalam satu kompleks yang sama membolehkan pertemuan dan interaksi kepelbagaian latar belakang budaya, ras, agama, sosial dan ekonomi secara semula jadi tanpa paksaan di kalangan pelajar yang terbabit.³⁶

Di samping Sekolah Wawasan, Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang diilhamkan oleh Datuk Seri Abdullah Hj.Ahmad Badawi ketika menjadi Menteri Pelajaran Malaysia pada tahun 1986 telah digerakkan semula oleh KPM dengan menggunakan pendekatan yang lebih segar. Konsep RIMUP adalah untuk membolehkan pelajar di sekolah yang majoriti pelajarinya terdiri daripada satu kaum sahaja berinteraksi dan bergaul dengan pelajar pelbagai kaum dari sekolah lain. Program RIMUP mempunyai tiga komponen utama, iaitu akademik, kokurikulum, sukan dan e-integrasi yang akan dilaksanakan dalam enam bidang iaitu aktiviti kecemerlangan akademik, aktiviti kesukanan dan permainan, aktiviti kokurikulum, aktiviti khidmat masyarakat, aktiviti

³⁴ Ibid., hlm. 43-44.

³⁵ Sia Ken Yek, *SRJK (Cina) Dalam sistem Pendidikan Kebangsaan*, hlm. 63-64.

³⁶ Ibid., hlm. 66-67.

meningkatkan patriotisme dan aktiviti virtual melalui e-integrasi.³⁷ Konsep RIMUP ini dapat diterima oleh *Dong Jiao Zong* dan beberapa pihak berbanding konsep Sekolah Wawasan yang dilihat dengan waspada dan beranggapan terdapat agenda tersembunyi di sebalik pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan tersebut yang boleh mengugat survival bahasa ibunda kaum Cina dalam pendidikan.³⁸

Di peringkat pengajian tinggi, kajian yang dijalankan oleh beberapa pihak telah membuktikan terdapatnya kerenggangan dan kerapuhan hubungan kaum dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Perkara ini berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti kegagalan sistem pendidikan pada peringkat rendah dan tinggi berfungsi sebagai mekanisme pemupukan hubungan kaum dan integrasi nasional, di samping kejahilan atau kenaifan mengenai latar belakang sejarah negara, budaya berbagai kaum, realiti politik dan Perlembagaan Negara. Kepincangan ini telah disedari oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), justeru KPT telah menggubal kurikulum baru yang dikenali sebagai Kursus Hubungan Etnik yang menggantikan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia atau TITAS yang lebih memfokus kepada hubungan kaum di negara ini. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2005), langkah KPT untuk mewujudkan Kursus Hubungan Etnik adalah satu tindakan yang bersejarah kerana inilah pertama kali kita memperakukan peri pentingnya hubungan kaum di Malaysia sebagai tunjang kejayaan yang perlu dipelajari dan di kupas di peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Kursus ini merupakan salah satu saluran yang melestarikan dialog hubungan kaum yang amat berfeadah kepada rakyat, masyarakat dan negara Malaysia. Kursus baru ini telah diperkenalkan pada tahun 2005 dan diwajibkan kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengambilnya dan mesti lulus sebagai pra-syarat untuk mendapatkan ijazah di universiti berkenaan.³⁹

Pemupukan Hubungan Kaum Melalui Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara

Apabila berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Langkah awal ke arah

³⁷ *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*, hlm. 45.

³⁸ Lihat Sia Ken Yek, *SRJK (Cina) Dalam sistem Pendidikan Kebangsaan*.

³⁹ Lihat Pluraliti masyarakat Alam Melayu dalam Sejarah, dllm. *Bengkel TOT Kursus TITAS & Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan*, UiTM Shah Alam, 13-15 Disember 2005.

menguatkan hubungan kaum pasca 13 Mei 1969 dapat dilihat melalui beberapa pendekatan baru yang diambil oleh kerajaan bagi mencapai matlamat tersebut. Pada 1 Julai 1969, Tun Abdul Razak, Pengarah MAGERAN telah mengumumkan penubuhan Jabatan Perpaduan Negara.⁴⁰ Penubuhan Jabatan ini bertujuan untuk merumuskan satu ideologi kebangsaan, di samping menyusun program sosial dan ekonomi yang baru yang mengambil kira tentang perpaduan kaum.⁴¹ Jabatan ini diuruskan oleh kalangan kakitangan awam yang dipimpin oleh Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin. Penubuhan Jabatan ini menurut Ghazali Shafie sebagai “*a think machine*” untuk “*initiating new ideas and actions*” bagi mewujudkan perpaduan nasional.⁴² Penubuhan Jabatan ini juga adalah untuk membetulkan kesilapan kerajaan sebelum ini bahawa perpaduan nasional tidak diberikan perhatian utama dalam dasar-dasar kerajaan. Sebelum peristiwa tersebut berlaku, tidak ada satu jabatanpun yang diwujudkan bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut.⁴³

Setelah Tun Abdul Razak mengumumkan penubuhan Jabatan Perpaduan Negara, pada 17 Julai 1969, Tunku Abdul Rahman pula mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Kaum. Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Kaum tersebut menurut Tunku Abdul Rahman adalah untuk membentuk kembali perasaan persefahaman dan perpaduan yang merupakan asas kepada keamanan dan keselamatan negara. Bagi memulihkan perpaduan kaum, maka Jawatankuasa Hubungan kaum yang dianggotai oleh pelbagai kaum akan diwujudkan pada semua peringkat-negara, negeri, daerah dan kawasan. Matlamat utama Jawatankuasa Hubungan Kaum adalah untuk menggalakan usaha bagi mencapai perpaduan antara kaum dan bekerja ke arah memperbaiki kembali perasaan saling faham memahami antara kaum, mengkaji permasalahan sosial dan kebajikan awam dalam perkara-perkara tertentu supaya Jabatan Perpaduan Negara dapat menyelesaikan masalah kesukaran hidup yang dihadapi oleh rakyat seperti kehilangan pekerjaan kesan daripada kekacauan pada 13 Mei dan salah faham yang berlaku antara kaum. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman.⁴⁴ Tunku merasakan komitmen beliau dalam menubuhkan Jawatankuasa ini merupakan sumbangan peribadi beliau yang paling utama untuk memulihkan keamanan negara. Penglibatan kembali Tunku ke dalam kerajaan pasca

⁴⁰ FCO 24/475/1 Malaysia: Political Situation 4 July, 1969.

⁴¹ Andaya dan Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 328.

⁴² *Financil Times*, 18 July 1969.

⁴³ DEFE 31/86, Malaysia: Political Situation, 25 July 1969.

⁴⁴ FCO 24/476, Malaysian Race Relation, 18 July 1969.

13 Mei adalah dengan memberi tumpuan utama terhadap pengukuhan kembali hubungan kaum yang telah hancur dalam rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.⁴⁵

Apabila kerajaan berparlimen dipulihkan semula pada tahun 1971, Jabatan Perpaduan Negara telah dikekalkan dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri. Pada 1 Januari 1972, Jabatan Perpaduan Negara dan Pejabat Muhibbah Negara telah digabungkan dan dijadikan Kementerian Perpaduan Negara. Kementerian ini adalah bertanggungjawab bagi mengurus dan menyelaraskan tugas majlis Penasihat Perpaduan Negara dan Jawantankuasa-Jawantankuasa Muhibbah. Selepas pilihanraya umum 1974, Kementerian Perpaduan Negara sekali lagi ditukar menjadi Lembaga Perpaduan Negara. Berikutan dengan ini sebuah badan penasihat telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Panel Penasihat Lembaga Perpaduan Negara. Panel ini mengandungi 16 ahli yang terdiri dari ahli-ahli akademik dan iktisas serta orang yang berpengalaman dalam hal ehwal negara.⁴⁶ Lembaga ini bertanggungjawab untuk menjalankan kelas perpaduan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak yang mengajar Bahasa Malaysia dan Sivik. Di kawasan bandar, Lembaga melancarkan program hubungan masyarakat dengan menumpukan kepada usaha menghidup semula dan berkongsi kebudayaan tradisi serta menggalakkan permainan seperti bermain guli, layang-layang dan skating. Ia juga menaja program-program televisyen seperti kuiz perpaduan. Ia juga menjalankan kajian, misalnya kajian terhadap kampung-kampung Baru, sikap terhadap perkahwinan campur dan menerbitkan dua jurnal iaitu *Balai Muhibbah* dan *Negara*. Lembaga juga mengadakan dialog untuk membincangkan tajuk-tajuk tertentu seperti masalah pelajar, pelajaran Cina dan lain-lain yang boleh menghasilkan cadangan untuk memperkukuhkan hubungan kaum.⁴⁷

Di antara tahun 1990 sehingga 2004, Jabatan Perpaduan Negara telah diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebelum diletakkan semula di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan nama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). JPNIN melaksanakan fungsi dan tanggungjawab berasaskan kepada Visi, Misi dan Objektif yang ditetapkan. Visi yang ditetapkan ialah menjadi sebuah agensi Kerajaan yang unggul dalam melahirkan bangsa Malaysia yang bersatupadu, berwawasan dan berdaya maju. Manakala misinya pula ialah memupuk kesefahaman dan

⁴⁵ FCO 24/476, Malaysia: Political Situation, 25 July 1969.

⁴⁶ *Negara Kita*, 1989, hlm. 143-144.

⁴⁷ R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 474.

semangat muhibah melalui jaringan dan interaksi sosial ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatupadu dan beridentiti nasional. Objektif umumnya ialah untuk memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional⁴⁸ selaras dengan dasar Kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Manakala objektif khususnya ialah memupuk semangat perpaduan rakyat antara kaum dan sesama kaum serta mengukuhkan integrasi nasional ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatupadu; memperkasakan komuniti; mengukuhkan jaringan dengan agensi-agensi Kerajaan, NGO, sektor swasta serta agensi dan pertubuhan di peringkat antarabangsa dan memperkukuhkan amalan dan penghayatan nilai-nilai murni serta semangat patriotisme di kalangan masyarakat.⁴⁹

Pada 12 Mei 2007, Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah dilancarkan di Batu Burok, Kuala Terengganu oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abdin sempena pelancaran Sambutan Bulan Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2007. Pelan ini mempunyai objektif memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotisme serta bangga sebagai rakyat Malaysia, mengurangkan segregasi kaum dan kerenggangan dalam perhubungan inter dan intra kaum dan wilayah, meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum, meningkatkan integrasi wilayah antara Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan Semenanjung dan antara negeri-negeri di Semenanjung dan menghadapi cabaran Wawasan 2020 untuk mewujudkan satu Bangsa Malaysia yang bersatu padu.⁵⁰ Pelan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri Kabinet pada 17 Mei 2006 dengan menggariskan 19 strategi di mana agensi kerajaan dan pihak yang berkaitan, termasuk pihak swasta, badan bukan kerajaan diharapkan dapat melaksanakan pelan ini dengan lebih komited. Pelan ini juga mahu mewujudkan identiti nasional melalui sistem pendidikan yang berkualiti dan menggalakkan rakyat memahami Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Pelan ini juga telah mengenal pasti cabaran yang dihadapi bahawa tahap integrasi berbagai kumpulan kaum di negara ini masih lagi berada pada tahap *functional*. Integrasi hanya berlaku di sekitar rakan sekerja sementara

⁴⁸ Integrasi Nasional merupakan satu proses dinamik untuk merapatkan masyarakat negeri-negeri dalam Malaysia khususnya di antara negeri Sabah dan Sarawak, untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai identitinya sendiri, berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara (Jawatankuasa Integrasi Nasional, 1991).

⁴⁹ Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara, JPNINM, 12 April 2005.

⁵⁰ *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*, hlm. 44.

keikhlasan, sifat penyayang, kejujuran dan keinginan untuk memahami kumpulan kaum lain masih belum tercapai.⁵¹

Pada tahun 1975, Jemaah Menteri telah meluluskan undang-undang menguatkuasakan Rancangan Rukun Tertangga yang dikenal sebagai Peraturan-peraturan Perlu (Masyarakat Berdikari), 1975 dengan matlamat untuk masyarakat berbilang kaum berkenalan antara satu sama lain sambil mengawal keselamatan kawasan masing-masing.⁵² Menurut Tun Razak dalam sidang akbarnya mengenai Rukun Tetangga pada 10 September 1975, Rukun Tetangga diwujudkan tanpa mengenal batasan keturunan bangsa dan taraf kedudukan dalam masyarakat. Ia diwujudkan untuk merapat dan mengeratkan lagi perhubungan antara kaum agar lebih menjadi mesra kerana mempunyai satu tujuan iaitu untuk menjaga keselamatan dan mengawal keamanan. Ahli Jawatankuasa Keamanan Penduduk dan Jawatankuasa Keselamatan dan Keamanan Kampung bagi kawasan yang digazetkan sebagai kawasan Rukun Tertangga adalah diberi kuasa setaraf dengan polis berpangkat konstabel. Kuasa ini diberi untuk membolehkan mereka menjalankan tugas mengawal keselamatan dengan lebih berkesan.⁵³

Mulai 1 Januari 1983, kerajaan telah memperkenalkan satu pembaharuan Rukun Tertangga dengan memberi penekanan kepada konsep kejiranan yang bertujuan untuk memupuk serta mengukuhkan lagi semangat kejiranan di kalangan masyarakat setempat. Berikutan dengan ini, Peraturan Perlu (Rukun Tertangga) 1975 telah dipinda bagi mencapai matlamat tersebut. Dalam tahun 2000, pendekatan Rukun Tertangga sekali lagi telah dipinda dengan memberi mandat yang lebih luas iaitu pembangunan masyarakat secara menyeluruh ke arah mewujudkan perpaduan nasional. Visi Rukun Tertangga adalah untuk membantu kerajaan merealisasikan pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dalam konteks mencapai matlamat Wawasan 2020. Manakala Misi Rukun Tertangga adalah untuk memupuk kesefahaman dan toleransi ke arah pembangunan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan beridentiti sendiri. Moto bagi Rukun Tertangga ialah “Bersatu Terus Maju” sejajar dengan visi, misi dan objektifnya. Sehingga Mei 2006, sebanyak 3,228 kawasan Rukun Tertangga telah ditubuhkan dan dalam tempoh tersebut sebanyak

⁵¹ Lihat www.jpnn.gov.my, www.bernama.com.my, 12 Jun 2007.

⁵² Tun Abdul Razak, Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak Hussein, Jilid 2, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1975, 138.

⁵³ Ibid., hlm. 194-195.

36,029 aktiviti telah dijalankan. Melalui aktiviti ini akan dapat memupuk persefahaman antara kaum, bantu membantu, berinteraksi dan merapatkan lagi hubungan antara kaum.⁵⁴

Manakala pada bulan Julai 1969, Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan dan Tan Sri Ghazali Shafie telah mengumumkan pembentukan “ideologi nasional”. Manakala pada 31 Ogos 1970, dalam sambutan hari kemerdekaan Malaysia, ideologi negara yang baru yang disebut sebagai Rukun Negara telah diistiharkan dengan rasminya. Rukun Negara adalah terhasil dari perbincangan yang dijalankan oleh Majlis Perundingan Negara yang ditubuhkan pada tahun 1970. Setelah berbincang serta mengkaji dengan teliti selama beberapa bulan, Majlis Perundingan Negara telah merumuskan supaya satu ideologi negara yang mampu mengatasi garis pemisah antara kaum perlu diadakan di negara ini (www.jpnin.gov.my). Ia menggariskan falsafah asas yang tertentu, ditujukan ke arah evolusi negara Malaysia yang demokratik dan menegaskan bertapa perlunya berpegang teguh kepada kedaulatan undang-undang. Dengan itu, dalam beberapa segi, ia memberi ringkasan tentang prinsip-prinsip dalam Perlembagaan Malaysia. Rukun Negara adalah merupakan satu piagam kecil bagi sebuah negara. Sama seperti piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menyatakan tentang persetujuan mengenai dasar yang dijunjung oleh sistem politik, parti dan ideologi yang berlainan. Sungguhpun perumusannya begitu mudah, Rukun Negara bertujuan untuk berfungsi sebagai paduan bagi seluruh warganegara Malaysia dalam konteks tanggungjawab mereka terhadap negara dan hubungan antara kaum. Rukun Negara juga dilihat sebagai satu proses rekonstruksi diri (*self-reconstuction*) dan menjadi panduan dalam membina masyarakat yang adil dan harmoni di Malaysia.⁵⁵

Dasar kerajaan bagi memupuk hubungan kaum diperkuatkan melalui pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) telah digubal hasil daripada resolusi Kongres Kebudayaan Kebangsaan, pada tahun 1971. DKK digubal ekoran daripada peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 yang mencatatkan sejarah hitam negara ini. Oleh itu, kerajaan merasakan salah satu penyebab kepada terjadinya rusuhan itu adalah perbezaan budaya dan nilai hidup kaum yang terdapat di Malaysia.⁵⁶ Menurut Tun Abdul Razak, Kongres

⁵⁴ Lihat www.jpnin.gov.my.

⁵⁵ Abd Rahim Abd Rashid, *Patriotisme Agenda Pembinaan Bangsa*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2004, hlm. 44.

⁵⁶ Ann Wan Seng, “Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Perlukah Penilaian Semula?”, *Dewan Budaya*, Mei 1993, hlm. 32.

Kebudayaan Kebangsaan yang pertama kali diadakan pada tahun 1971 merupakan satu langkah awal mencari asas *fundamental* kebudayaan kebangsaan yang dicita-citakan. Sudah sampai masanya menurut Tun Razak, negara ini menentukan identiti atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa lain. Masalah besar yang dihadapi adalah menyediakan tapak yang kukuh dan sesuai untuk membentuk kebudayaan untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidak boleh melupakan hakikat masyarakat kita yang berbilang bangsa. Pewujudan kebudayaan kebangsaan bukan sekadar untuk membina *political* identiti, tetapi untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bermakna. Kita harus mempunyai bahasa dan kebudayaan yang menentukan kita sebenarnya adalah bangsa Malaysia dan mempunyai kesetiaan kepada negara yang sama, iaitu Malaysia.⁵⁷

Dasar Kebudayaan Kebangsaan berdasarkan kepada tiga prinsip utama. Pertama, kebudayaan kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Kedua, unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan. Ketiga, Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Dasar tersebut merupakan hasil rumusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Pengubalan tiga prinsip DKK dibuat dengan mempertimbangkan perkembangan sejarah dan kedudukan Malaysia yang menjadi pusat pertemuan dunia, pusat tamadun rantau ini dan pusat perdagangan dari Wilayah Kepulauan Melayu, India, Cina, Asia Barat dan Timur semenjak lebih 2000 tahun lampau.⁵⁸

Pelaksanaan DKK telah dilakukan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Antara lain, Kementerian ini menguruskan penyelidikan, pembangunan dan penggalakan, pendidikan dan pengembangan kesenian dan perhubungan ke arah kemajuan kebudayaan kebangsaan. Usaha-usaha itu dicapai melalui aktiviti pembangunan, persembahan seni oleh Kompleks Budaya Negara sebagai pengelola dan urus setia perhubungan kebudayaan antarabangsa, Majlis Kebudayaan Negeri, khidmat nasihat bagi mengukuhkan pertubuhan kebudayaan dan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa. Di samping itu, peranan Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri dan badan berkanun yang

⁵⁷ Tun Abdul Razak, *Ucapan dalam Majlis Perasmian Kongres Kebudayaan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1971.

⁵⁸ A. Aziz Deraman, *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 67.

lain adalah sama penting dalam melaksanakan strategi dasar ini di dalam pengurusan harian dan pelaksanaan dasar semasa. Begitu juga peranan pihak swasta dan pertubuhan kebudayaan adalah diperlukan di mana badan ini boleh memainkan peranan menjalankan usaha pembinaan dan kemajuan kebudayaan di peringkat organisasi masing-masing dan seterusnya membiayai penajaan program atau projek kebudayaan.⁵⁹

Walaupun DKK ini sudah lama digubal tetapi ia masih belum diterima sepenuhnya oleh sesetengah kaum bukan Melayu. Mereka menentang penerapan kebudayaan Melayu untuk dijadikan teras kepada DKK. Begitu juga mereka tidak berpuas hati terhadap penolakan sesetengah budaya bukan Melayu seperti tarian singa dijadikan sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan. Sedangkan berasaskan kepada prinsip DKK kedua, ia memberi penegasan unsur-unsur kebudayaan lain yang tidak bertentangan dengan Islam boleh diterima. Kerajaan menolak cadangan tersebut kerana berpendapat tarian singa itu merupakan kebudayaan negara China dan tidak melambangkan keperibadian kebangsaan. Begitu juga dengan prinsip ketiga DKK yang meletakkan Islam sebagai elemen terpenting pembentukan kebudayaan kebangsaan juga telah ditolak oleh orang bukan Melayu. Pakaian kebangsaan seperti baju Melayu, songkok, sampung dan baju kurung pada pandangan masyarakat bukan Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan kegiatan keagamaan. Apabila mereka memakai pakaian tersebut, mereka khawatir akan kelihatan seperti orang Melayu dan terlibat sama menganut agama Islam.⁶⁰

Pembentukan Dasar Ekonomi ke arah Mewujudkan Perpaduan Kaum

Selepas merdeka, kerajaan menyedari bahawa jurang ekonomi yang wujud di antara orang Melayu dengan kaum bukan Melayu perlu dirapatkan kerana kewujudan jurang tersebut telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu. Sebelum merdeka, beberapa tindakan telah diambil untuk merapatkan jurang ekonomi dan kemunduran ekonomi orang Melayu seperti melalui pewujudan sistem kuota dalam perkhidmatan awam, iaitu 4 Melayu dan 1 kaum bukan Melayu. Sistem kuota ini telah diwujudkan bagi menjaga kedudukan hak istimewa orang Melayu yang telah diakui oleh British. Selepas merdeka, kedudukan istimewa orang Melayu yang dijamin oleh Perlembagaan melalui Perkara 153 mula diterjemahkan melalui pelbagai dasar dan

⁵⁹ Lihat www.heritage.gov.my/kekwa.

⁶⁰ Ann Wan Seng, "Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Perlukah Penilaian Semula?", *Dewan Budaya*, Mei 1993, hlm. 32-33.

tindakan kerajaan kesan daripada desakan daripada orang Melayu sendiri. Kerajaan mula merangka beberapa tindakan bagi mencapai matlamat tersebut kerana sekiranya jurang antara kaum diteruskan melebar maka akan wujud ketegangan hubungan antara kaum.

Langkah awal untuk membantu membangunkan ekonomi orang Melayu ialah adalah melalui RIDA (*Rural and Industrial Development Authority*) yang telah ditubuhkan pada tahun 1949.⁶¹ Ketika Dato' Onn memimpin UMNO dan menganggotai Jawatankuasa CLC (1949-1951), Dato' Onn dalam rundingannya mengenai soal kerakyatan kaum bukan Melayu telah memberi kata dua kepada British bahawa UMNO tidak akan bersetuju dengan cadangan CLC selagi kerajaan British tidak memberi jaminan bertulis terhadap bantuan ekonomi dan sosial orang Melayu. Dato' Onn menuntut supaya orang Melayu diberikan bantuan kewangan, latihan dan pengetahuan baru dalam bidang ekonomi, pelajaran dan pembinaan infrastruktur kampung-kampung Melayu. Justeru itu, dalam mesyuarat CLC di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1950, Henry Gurney mengisytiharkan penubuhan RIDA, di mana Dato' Onn telah dilantik sebagai Pengerusi RIDA yang pertama.⁶² Dato' Onn telah dilantik sebagai pengerusi pertama RIDA pada awal tahun 1951. Penubuhan RIDA supaya orang Melayu tidak menaruh syak wasangka kepada kaum lain, dengan demikian akan dapat membentuk bangsa Malayan yang bersatu.

⁶¹ Penubuhan RIDA bermula dengan belanjawan yang kecil iaitu sebanyak 4 juta setahun. Dana ini diberi oleh kerajaan Persekutuan bagi membiayai kos pentadbiran dan pengembangan RIDA seperti latihan, penyelidikan dan skim pembangunan. Di samping itu, RIDA juga diberi peruntukan sebanyak 10 juta bagi tujuan pemberian pinjaman bagi melaksanakan projek-projek tertentu. Bagi projek pembangunan, RIDA membiayai projek-projek pembangunan infrastruktur yang membawa faedah sosial dan ekonomi kepada penduduk luar bandar seperti pembinaan jalan raya, jambatan, jeti dan bekalan air. Bagi tujuan latihan, RIDA menumpukan aspek latihan yang tidak dijalankan oleh jabatan kerajaan bagi membantu orang Melayu bagi meningkatkan kemahiran, kecekapan dan pengeluaran yang lebih baik agar mereka dapat berpartisipasi dalam kegiatan ekonomi yang lebih besar. Latihan yang diberikan seperti perakaunan, pengurusan ladang getah, pembinaan kapal, penyelenggaraan mesin kapal, mesin traktor dan peralatan pertanian. RIDA juga memberi pinjaman yang dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu projek pilot sama ada bersifat komersial atau semi komersial seperti pemberian pinjaman kepada nelayan untuk membeli perahu berkuasa tinggi dan pemberian pinjaman dengan kadar faedah yang rendah kepada perusahaan yang produktif di kawasan luar bandar seperti pembangunan tanah, penangkapan ikan, industri pembuatan serbuk kopi, pemprosesan minyak kelapa, pengangkutan, kraf tangan dan lain-lain (Lihat Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, *Annual Report 1957*, hlm. 3-6). Pinjaman RIDA dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu pinjaman yang besar (lebih dari RM 100,000) yang dikeluarkan semusim sekali kepada syarikat-syarikat kerjasama, kedua, pinjaman sederhana (lebih dari RM10,000) kepada Syarikat Berhad dan orang yang menjalankan perniagaan yang sederhana dan ketiga, pinjaman kecil (beberapa ratus atau ribu ringgit) kepada individu yang menjalankan sendiri perniagaan mereka (peniaga kecil) (D.A.M. Fiennes, *Penyata Lembaga Kemajuan Kampung 1950-1955*, hlm. 17). Supaya RIDA dapat berperanan dengan berkesan, ia telah mewujudkan ahli Lembaganya sendiri yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan 11 ahli yang dilantik yang mewakili setiap negeri dan tidak lebih dari 12 ahli yang lain. Tanggungjawab RIDA menurut Ordinan RIDA tahun 1953, No. 48 ialah, "*It shall be the duty of the Authority to stimulate, facilitate and undertake economic and social development in the Federation and more particularly in the rural areas thereof*" (Ibid., hlm. 2-3).

⁶² Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar*, hlm. 228.

Perkara tersebut telah disebutkan dalam Laporan RIDA (1950-1955) yang menyebutkan matlamat penubuhan RIDA adalah untuk:

Memajukan lingkungan di sebelah kampung terutama sekali tempat-tempat yang diduduki oleh peladang-peladang Melayu yang kecil. Maka diharap dengan jalan ini akan menjadi bertambah baik hal iktisad tempat-tempat yang di sebelah kampung itu supaya orang-orangnya tiada menaruh syak terhadap bangsa-bangsa lain dan boleh dan boleh bersatu menjadi bangsa Malayan yang bersatu....”⁶³

Selepas merdeka, RIDA telah dipilih oleh kerajaan Perikatan untuk merealisasikan hasrat Fasal 153. Walau bagaimanapun, RIDA telah dikritik oleh orang Melayu kerana gagal merealisasikan secara berkesan hasrat Fasal 153.⁶⁴ Kritikan tersebut dapat dilihat melalui perdebatan dan perbincangan ahli-ahli Dewan Undangan Persekutuan pada tahun 1958 dan 1959 yang banyak menyentuh peranan dan prestasi RIDA dalam memajukan golongan usahawan Melayu. Manakala apabila Dewan Negara ditubuhkan pada tahun 1960, kritikan yang sama turut didengari di Dewan tersebut. Umpamanya, Amaluddin Darus dalam perdebatan di Dewan Negara pada 5 Januari 1961 telah menyarankan kerajaan agar mengambil perhatian yang berat terhadap RIDA supaya ia berupaya menjadi tempat tumpuan bagi golongan pengusaha-pengusaha Melayu bagi mendapatkan bantuan pinjaman modal. Amaluddin seterusnya mengkritik usaha RIDA selama ini sebagai ‘melepaskan batuk di tangga’.⁶⁵

Imej RIDA seolah-olah sebagai sebuah jabatan kebajikan telah memberikan kesan negatif kepada prestasi RIDA dalam mencapai matlamat penubuhannya. Pada tahun 1956, telah timbul spekulasi bahawa lembaga tersebut akan ditutup kerana masalah hutang tertunggak kerana sikap orang Melayu yang liat membayar hutang. Tunku yang ketika itu

⁶³ D.A.M. Fiennes, *Penyata Di Atas Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan, 1950-1955*, Alor Star: Pejabat Cap Kerajaan Kedah, 1956, hlm. 2.

⁶⁴ Mohd Ashraf Ibrahim, “Pembentukan Negara Bangsa di Malaysia, 1945-1974”, Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010, hlm. 452.

⁶⁵ Parliamentary Debates, *Dewan Negara Official Report*, Vol. 1, No. 5, hlm. 151. Dr. Mahathir Mohamad turut mengkritik pengurusan RIDA yang dijalankan seolah-olah seperti jabatan kebajikan. RIDA menurutnya tidak memberikan bantuan kepada peniaga-peniaga Melayu yang berkemampuan, sebaliknya wang diberikan kepada orang kurang berada yang masih teragak-agak untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Manakala orang yang menunjukkan kemampuan mereka boleh berjaya dalam perniagaan tidak mendapat bantuan RIDA. Ini kerana tujuan RIDA bukan untuk menolong orang berada menjadi lebih kaya. RIDA seolah-olah telah mewujudkan persaingan antara peniaga Melayu yang sudah berjaya dengan peniaga-peniaga Melayu yang dibantu RIDA (Mahathir Mohamad, *Dilema Melayu*, hlm. 55). Terdapat juga kritikan yang melihat RIDA merupakan satu langkah untuk mewujudkan satu golongan kapitalis Melayu dengan memberi mereka pinjaman bagi menjalankan sesuatu perniagaan (Edmund Terence Gomez, *Pelaburan Korporat UMNO*, Terjemahan Mohd Nazri Ismail, Kuala Lumpur: 1990, hlm. 4).

menjadi Ketua Menteri telah memberi jaminan bahawa RIDA akan meneruskan fungsinya dan menjadi tulang belakang negara serta akan mengubah polisi RIDA supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.⁶⁶ Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama diadakan pada 5-6 Jun 1965 telah menzahirkan kekecewaan orang Melayu terhadap kerajaan. Dalam kongres tersebut, kerajaan didesak supaya membangkitkan semangat kesedaran dengan menekankan pentingnya pendidikan dan perniagaan, latihan, khidmat nasihat, panduan, peluang dan galakan diberi kepada Bumiputera untuk terlibat dalam perniagaan dan perusahaan. Hasil daripada kongres ini, kerajaan menubuhkan Bank Bumiputera dan mengubah peranan RIDA kepada MARA.⁶⁷

Selepas perubahan peranan tersebut, MARA menjadi institusi mengambil alih peranan RIDA membantu meningkatkan pencapaian ekonomi Bumiputera di bawah payung Fasal 153. Misalnya, di antara tahun 1966 hingga 1970, MARA telah menyediakan kira-kira 4800 pinjaman berjumlah RM31 juta untuk berbagai-bagai-bagai projek, terutamanya kepada ahli-ahli perniagaan Melayu dan pengusaha-pengusaha kecil. MARA menubuhkan beberapa buah syarikat dalam bidang perdagangan dan perusahaan untuk mengeluarkan batik, kanji dan barang-barang yang diproses daripada getah. MARA juga telah membina rumah-rumah kedai untuk peniaga-peniaga Melayu dan menggalakkan Bumiputera untuk menceburkan diri dalam perniagaan sebagai pemborong dan kontraktor-kontraktor bahan binaan.⁶⁸

Selepas rusuhan kaum 13 Mei 1969, kerajaan menyedari antara punca utama rusuhan tersebut kesan daripada ketidakseimbangan pencapaian ekonomi antara kaum. Sejurus selepas tamatnya rusuhan kaum tersebut, kerajaan yang dikawal oleh *National Operation Council* atau NOC yang dikepalai oleh Tun Abdul Razak telah mengambil beberapa langkah utama untuk mengembalikan kermanan dan keyakinan rakyat kepada kerajaan. Antara langkah utama yang dilakukan oleh NOC ialah untuk mengembalikan keyakinan kepada orang Melayu bahawa kedudukan istimewa mereka dalam Perlembagaan akan dilindungi, merangka beberapa pendekatan untuk meningkatkan kemajuan orang Melayu dalam pendidikan, perdagangan, pekerjaan, mewujudkan

⁶⁶ *Ucapan-ucapan Tunku Abdul Rahman Putra, 1955-1956*, hlm. 113.

⁶⁷ Jamaie Hamil, *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*, hlm. 59.

⁶⁸ Leon Comber, *Peristiwa 13 Mei*, hlm.104.

keharmonian hubungan kaum dan meletakkan satu dasar yang kukuh bagi masyarakat pelbagai kaum dan bangsa.⁶⁹

Pendekatan yang menjadi utama kerajaan adalah untuk menyusun semula dasar ekonominya adalah mementingkan aspek pengagihan di samping pertumbuhan ekonomi yang telah diabaikan sebelum rusuhan kaum 13 Mei berlaku. Sebelum rusuhan kaum berlaku data-data ekonomi memperlihatkan wujudnya jurang yang jelas antara kaum. Umpamanya, ketidaksamaan pola pekerjaan antara kaum yang berlaku sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan berterusan walaupun selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Kajian Snodgrass (1980) mendapati pada tahun 1957, pekerja-pekerja Melayu kebanyakannya berkerja dalam sektor yang kurang maju berbanding dengan kumpulan kaum yang lain, di mana 69 peratus pekerja lelaki Melayu dan 88 peratus pekerja wanita Melayu bekerja dalam sektor pertanian. Manakala kebanyakan pekerja-pekerja Cina berkerja dalam sektor yang lebih maju, di mana 66 peratus pekerja lelaki Cina dan 42 peratus pekerja wanita Cina bekerja dalam sektor di luar bidang pertanian. Bagi pekerja-pekerja India pula, mereka lebih banyak menumpukan perhatian dalam bidang pertanian eksport, di mana 40 peratus pekerja lelaki India dan hampir 90 peratus adalah pekerja wanita. Menurut Snodgrass lagi, pola penumpuan kerja kaum wujud dalam banyak industri, umpamanya orang Melayu banyak mendominasi pekerjaan dalam pentadbiran awam dan penanaman padi, manakala orang Cina pula mendominasi industri perlombongan dan perniagaan.⁷⁰

Justeru itu, selepas peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan telah melancarkan beberapa dasar ekonomi yang bukan sahaja untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, tetapi dalam masa yang sama bermatlamt merapatkan jurang ekonomi antara kaum, dengan itu perpaduan kaum akan dapat diwujudkan. Justeru itu, beberapa dasar ekonomi dan rancangan pembangunan ekonomi jangka pendek dan jangka panjang telah diwujudkan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) (1991-2000) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) (2001-2010). Walaupun pelaksanaan dasar ini memberi tumpuan membangun ekonomi kaum Melayu/Bumiputera yang diwajibkan melalui data-data pencapaian ekonomi antara kaum dan Perlembagaan

⁶⁹ DEFE 31/86, Telegram Kuala Lumpur to Commonwealth Office, 13 November 1969.

⁷⁰ Donald R. Snodgrass, *Inequality and Economic Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, hlm. 88.

Malaysia, namun sebenarnya semua kaum telah mendapat pengagihan kek ekonomi yang adil dan tidak ada mana-mana kaum yang dipinggirkan. Pendekatan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan bukanlah *zero sum games*, iaitu terdapat kaum tertentu yang menang, manakala kaum lain kalah tetapi berasaskan pendekatan menang-menang (*win-win situation*).

Dasar Ekonomi Baru telah digubal dan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) (RMK). Menurut Tan Sri Ghazali Shafie, DEB dibentuk oleh semangat Rukun Negara yang mempunyai objektif yang sama iaitu untuk mewujudkan perpaduan nasional.⁷¹ DEB tidak berlandaskan kepada pengambilan kekayaan daripada orang Cina bagi memperkayakan orang Melayu, tetapi dengan merangsang pertumbuhan ekonomi dan kemudian mengagihkan ekonomi yang membesar itu bagi membetulkan ketidakseimbangan ekonomi).⁷² Menurut Tun Abdul Razak, masyarakat yang aman bahagia akan hanya dapat dilahirkan bila wujudnya keadilan. Menerusi DEB diharapkan akan tercipta sebuah masyarakat yang adil, aman dan bahagia seperti yang dicita-citakan. Jurang perbezaan yang wujud antara kaum merupakan satu faktor yang mengancam perpaduan kaum. Justeru itu, DEB digubal bagi mengatasi permasalahan tersebut.⁷³ Tun Abdul Razak dalam *Kata Pengantar*, Rancangan Malaysia Kedua juga menyebutkan:

“Rancangan ini merupakan rancangan terperinci bagi Dasar Ekonomi Baru. Rancangan ini menggabungkan objektif yang mempunyai dua tujuan, iaitu bagi membasmi kemiskinan, tanpa mengira bangsa, dan bagi menyusun semula masyarakat Malaysia untuk mengurangkan dan secara beransur-ansur, menghapuskan pengenalan bangsa mengikut fungsi ekonomi...DEB akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menggalakan perpaduan negara dan untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang adil dan progresif dalam suasana ekonomi yang berkembang dengan cepat supaya tidak sesiapa juga akan mengalami apa-apa kehilangan atau mempunyai perasaan penafian hak, keistimewaan, pendapatan, pekerja atau peluang...Bagi mencapai objektif menyeluruh kami tentang perpaduan negara, Malaysia memerlukan lebih daripada semata-mata kadar yang tinggi pertumbuhan ekonomi. Sementara kami menumpukan usaha kepada tugas untuk memperoleh pembangunan ekonomi yang cepat, namun kami pada masa yang sama juga perlu menentukan bahawa terdapat keadilan sosial, perkongsian sama rata pertumbuhan ekonomi dan peluang yang bertambah guna tenaga...Rancangan ini mestilah

⁷¹ M. Ghazali Shafie, 1993, hlm. 4.

⁷² *Ensiklopedia Dr. Mahathir Mohamad*, Jilid 5, Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2006, hlm. 199.

⁷³ Tun Husein Onn, *Ucapan-ucapan Tun Husein Onn 1981*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1981, hlm. 87.

berjaya kerana ia adalah penting bagi kita untuk terus wujud sebagai negara yang progresif, bahagia dan bersatu...”⁷⁴

DEB memberikan strategi alternatif pembangunan yang berasaskan kepada perpaduan dengan objektif utamanya untuk memperbaiki keadaan sosioekonomi yang tidak seimbang antara kaum melalui agihan kekayaan dan pendapatan serta peluang ekonomi yang lebih menyeluruh.⁷⁵ Walaupun dikatakan DEB adalah untuk orang Melayu tetapi dalam proses pelaksanaan projek-projek DEB, kaum lain seperti Cina dan India juga mendapat faedah atau mendapat kesan limpahan tersebut.⁷⁶ Justeru itu, DEB tidaklah boleh dianggap sebagai satu *zero sum option* (kalah-menang) kerana ia bercanggah dengan semangat dasar tersebut.⁷⁷

Selepas DEB dimansuhkan pada tahun 1991, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah diwujudkan pula bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai matlamat perpaduan negara. DPN, di samping mengekalkan ciri-ciri utama DEB, ia memperkenalkan beberapa dimensi baru untuk meningkatkan keberkesannya bagi mencapai pembangunan seimbang. Dimensi baru tersebut menekankan pembasmian kemiskinan golongan termiskin, pengurangan kemiskinan relatif, peningkatan gunatenaga Bumiputera dalam bidang-bidang profesional dan pengurusan korporat serta peningkatan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang aktif. DPN juga menitikberatkan peranan yang lebih besar bagi sektor swasta dalam penyusunan semula masyarakat dan memberi tumpuan kepada kepentingan pembangunan sumber manusia sebagai asas bagi mencapai matlamat pertumbuhan dan pengagihan.⁷⁸

Matlamat DPN adalah untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan adil. DPN juga menekankan kepada pertumbuhan dan pengagihan yang saksama bagi membolehkan semua rakyat Malaysia menyertai bidang-bidang utama aktiviti ekonomi dan dengan ini dapat memastikan kewujudan kestabilan politik dan perpaduan negara. Berasaskan matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, DPN digubal untuk merangkumi beberap aspek penting yang

⁷⁴ Just Faaland *et al.*, *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 94.

⁷⁵ Zulkifli Osman, Masalah Semasa Dasar Ekonomi Baru, dlm. Nik Hashim Mustapha dan Zulkifli Osman (Pnyt), *Dasar Ekonomi Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm. 159.

⁷⁶ Ahmad Idris, *Dasar Ekonomi Baru*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd., 1988, hlm. 53.

⁷⁷ *Ibid.*, hlm. 4.

⁷⁸ *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, hlm. 73.

membawa kepada perpaduan kaum. Antara aspek yang digariskan oleh DPN yang bermatlamatkan perpaduan ialah:

- a) mewujudkan keseimbangan optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama;
- b) memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk meningkatkan daya saling melengkapi antara sektor bagi mengoptimumkan pertumbuhan;
- c) mengurang dan akhirnya menghapuskan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi dalam negara untuk menggalakkan perkongsian secara lebih adil dan saksama faedah yang diperolehi daripada pembangunan ekonomi untuk semua rakyat Malaysia;
- d) menggalak dan memperkukuhkan intergrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan di antara kawasan badar dan luar bandar;
- e) membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara.⁷⁹

Selain daripada mengadakan sebuah dasar ekonomi jangka panjang yang mempunyai objektif penyusunan kembali ekonomi dan masyarakat bermatlamatkan perpaduan kaum, kerajaan juga merealisasikan matlamat tersebut melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara. Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara merupakan satu dokumen yang menjelaskan tentang pencapaian usaha-usaha pembangunan dalam lima tahun sebelumnya, matlamat-matlamat pembangunan ekonomi yang ingin dicapai dalam lima tahun yang akan datang, dan dasar ekonomi yang dijalankan untuk mencapai matlamat tersebut. Rancangan pembangunan lima tahun yang pertama dilancarkan pada era transisi kemerdekaan iaitu pada tahun 1956 yang dikenali sebagai Rancangan Malaysia, iaitu daripada Rancangan Malaysia Pertama (1966-70) sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010).⁸⁰

⁷⁹ *Rancangan Malaysia Keenam*, 1991-1995, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, hlm. 4-5.

⁸⁰ Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia*, Petaling Jaya: Pearson Malaysia, 2002, hlm. 11.

Pada amnya secara keseluruhan dari objektif Rancangan Malaysia adalah meletakkan matlamat perpaduan nasional sebagai matlamat utamanya, di samping matlamat pertumbuhan ekonomi, pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat, pembangunan sumber manusia dan lain-lain.⁸¹ Contohnya Rancangan Malaysia Pertama, 1966-1970 di samping meneruskan lagi dengan giatnya pencapaian-pencapaian pembangunan Rancangan Malaya Pertama dan Kedua, ia juga bertujuan untuk memupuk integrasi di kalangan penduduk-penduduk dan negeri-negeri di dalam Malaysia dengan melaksanakan satu rancangan pembangunan khusus digubal bagi meningkatkan kebajikan semua rakyat. Terdapat sekurang-kurangnya tiga laporan yang menjadi sandaran pengubalan dasar dalam Rancangan Malaysia Pertama, iaitu Laporan Misi Bank Dunia, IBRD, 1963, Laporan IBRD, 1965 dan Laporan Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama, Jun, 1965. Kedua-dua Laporan IBRD memainkan peranan penting dalam penggubalan dasar perindustrian negara dan objektif pemesatan kadar pembangunan sektor perindustrian Malaysia. Selaras dengan strategi tersebut maka dalam tempoh pelaksanaan Rancangan telah ditubuhkan Lembaga Pembangunan Perindustrian Persekutuan (FIDA), Akta Galakan Pelaburan, 1968 dan Lembaga Tariff. Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama yang diadakan pada tahun 1965, mula menunjukkan perhatian yang berat dan kegelisahan kaum Bumiputera terhadap masalah-masalah ekonomi yang dihadapi mereka terutama dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Sebagai memenuhi desakan tersebut, maka RIDA dan PERNAS telah ditubuhkan yang bertujuan khusus untuk memajukan ekonomi orang Melayu dan mempercepatkan penyertaan mereka dalam bidang perniagaan dan perdagangan bandar.⁸²

Di samping itu, kerajaan juga telah memperkenalkan Dasar Penswastaaan yang telah diperkenalkan pada bulan Mac 1983. Penswastaaan merujuk kepada usaha kerajaan untuk menggalakkan peningkatan penglibatan sektor swasta dalam pemilikan, operasi dan pengurusan projek sektor awam dan pemberian perkhidmatan awam.⁸³ Penswastaaan melibatkan pemindahan kepada sektor swasta aktiviti dan fungsi yang secara tradisinya

⁸¹ Lihat Samuel Bassej Okposin *et al.*, *Fasa Ekonomi Malaysia*, Kuala Lumpur: ITNMB, Utusan Publication & Distribution dan UPENA, 2003, hlm. 26-29.

⁸² Mohd Haflah Piei dan Chamhuri Siwar (Pnyt.), *Rancangan Malaysia Kelima*, Bandar Baru Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm. 12-13.

⁸³ Ismail Muhd. Salleh dan Abdul Wahid Ahmad Shuhaime, *Penswastaaan dan Dasar Ekonomi Baru: Cabaran kepada Ushawan Bumiputera*, dlm. Chamsuri Siwar *et al.*, (Pnyt), *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, Bandar Baru Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 121.

merupakan tanggungjawab sektor awam (RMK-7, 1996:211).⁸⁴ Dasar penswastaan telah menyumbang kepada kepesatan pertumbuhan ekonomi serta membantu pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat dan meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Ia juga telah mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan kerajaan dengan ketara dan ini membolehkan kerajaan mengagihkan lebih banyak sumber kepada sektor yang lebih kritikal. Ia juga telah berjaya meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta mewujudkan persaingan dalam beberapa sektor seperti pelabuhan, tenaga dan telekomunikasi.⁸⁵

Terdapat dua pendekatan dalam melaksanakan penswastaan iaitu sama ada pendekatan “dikenalpasti oleh kerajaan” atau pendekatan “daya usaha sektor swasta”. Di bawah pendekatan pertama, Unit Perancang Ekonomi (UPE) akan mengenal pasti jabatan yang akan diswastakan, melaksanakan program penswastaan, mengawasi dan mengkaji semula kemajuan syarikat swasta. Manakala pendekatan “daya usaha sektor swasta” ialah sektor swasta memberi saranan yang inovatif dalam mengenal pasti projek yang hendak diswastakan.⁸⁶ Pelan Induk Penswastaan (PIP) yang dikeluarkan oleh UPE pada tahun 1991 adalah sebagai panduan dalam pelaksanaan program penswastaan. PIP merangkumi antara lain rangka kerja dasar yang menyeluruh mengenai program penswastaan, prosedur pelaksanaan dan penentuan susunan keutamaan projek yang akan diswastakan.⁸⁷ PIP juga telah mengutarakan beberapa kaedah untuk memindahkan tiga komponen penswastaan, iaitu pemindahan tugas pengurusan, aset dan kakitangan kepada sektor swasta. Penswastaan harus melibatkan sekurang-kurangnya salah satu daripada tiga komponen ini untuk layak disebut sebagai projek penswastaan. Satu unsur penting dalam PIP ialah Pelan Tindakan Penswastaan (PTP) dwitahunan yang boleh dipinda, bertujuan membantu melaksanakan program bagi setiap tahun. PTP mengandungi senarai projek yang dikenalpasti untuk diswastakan dan projek yang memerlukan penyusunan semula atau penyediaan sebelum diswastakan. Ianya membolehkan PTP tersebut dikaji semula pada setiap tahun bagi mengenalpasti halangan pelaksanaan supaya langkah yang sesuai boleh diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan program.⁸⁸

⁸⁴ *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*, hlm. 211.

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ Samuel Bassey Okposin *et al.*, *Fasa Ekonomi Malaysia*, hlm. 186.

⁸⁷ *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*, hlm. 212.

⁸⁸ *Ibid.*, hlm. 212-213.

Pelaksanaan program penswastaaan telah berjaya mencapai matlamatnya dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia. Program penswastaaan juga telah menjadi satu pendekatan yang efektif kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi antara Bumiputera dengan kaum lain di samping mewujudkan perpaduan kaum. Program penswastaaan telah berjaya menjadi wahana utama dalam mempertingkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi. Penswastaaan digunakan sebagai landasan untuk membetulkan keadaan tidak seimbang di sektor korporat dengan menyediakan peluang yang lebih luas kepada Bumiputera melalui penswastaaan agensi-agensi bukan amanah dan merupakan satu strategi kerajaan untuk melibatkan penyertaan aktif Bumiputera dalam sektor korporat.⁸⁹ Untuk memastikan penglibatan Bumiputera yang aktif, dasar penswastaaan telah menetapkan penglibatan minimum ekuiti Bumiputera sebanyak 30 peratus dalam semua entiti yang diswastakan. Walau bagaimanapun, dalam beberapa entiti yang diswastakan penglibatan Bumiputera telah melebihi 51 peratus dan ada di antaranya mencapai 100 peratus. Pemilikan ekuiti Bumiputera telah meningkat dalam sektor korporat dengan pengapungan 24 syarikat kerajaan yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jumlah ekuiti Bumiputera dalam syarikat ini pada Disember 1994 bernilai RM2.2 bilion yang merupakan 19.6 peratus daripada keseluruhan ekuiti, sementara sebanyak RM1.6 bilion atau 14.7 peratus dimiliki oleh bukan Bumiputera dan RM5.5 bilion atau 50.2 peratus oleh kerajaan.⁹⁰

⁸⁹ Shamsuddin Hitam, Strategi Penglibatan Bumiputera dalam Program Penswastaaan. Dlm. *Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera: Satu Penilaian Kembali dan Langkah-langkah ke hadapan*, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, 1995, hlm. 81.

⁹⁰ *Rancangan Malaysia Ketujuh*, 1996-2000, hlm. 220.